KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Sektor Penilaian Dan Peperiksaan
Tingkat 3, Bangunan Tuanku Syed Putra, Lebuh Downing
10300 George Town, Pulau Pinang

Tel : 04 2631472
Faks : 04 2611726
Laman Web : *www.moe.gov.my*

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPNPP(PEP)600-3/1 Jld. 6 (47)
11 Julai 2017
Tarikh : *17 Syawal 1438H*

Pengetua
Semua Sekolah Menengah / MRSM / SABK / Sekolah Swasta
Negeri Pulau Pinang

Tuan,

PELUPUSAN SIJIL DAN PERNYATAAN BAGI PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) DAN SIJIL BAHASA INGGERIS 1119 YANG TIDAK DITUNTUT

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Sektor Penilaian Dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab dalam tatacara pengurusan pelupusan sijil dan pernyata peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Bahasa Inggeris 1119.

3. Perkara ini adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Bahagian III : Keputusan Peperiksaan, Sijil Peperiksaan dan Pernyataan Keputusan, Perkara 13 telah menyatakan **Pengarah Peperiksaan boleh melupuskan sijil peperiksaan yang tidak dituntut dalam tempoh yang ditentukan olehnya.**

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dimohon untuk mengumpulkan kesemua sijil dan pernyataan tersebut dengan lengkap dan mencukupi bagi tujuan pelupusan. Sijil dan pernyataan yang akan terlibat di dalam proses pelupusan adalah seperti berikut :

i. **Sijil dan Pernyataan SPM** yang belum dituntut **bermula dari tahun 2009 dan sebelumnya**.
ii. **Percetakan kawalan sijil SPM ("Roster")** bagi setiap tahun yang hendak dilupus.
iii. **Sijil dan Pernyataan Bahasa Inggeris 1119 SPM** yang belum dituntut **bermula dari tahun 2009 dan sebelumnya**.
iv. **Percetakan kawalan sijil Bahasa Inggeris 1119 SPM ("Roster")** bagi setiap tahun yang hendak dilupus.

5. Sebarang kehilangan atau ketidakakuran terhadap sijil dan pernyata tersebut perlu dilaporkan secara bertulis kepada pihak Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (**u.p.: Ketua Sektor, Sektor Penilaian Dan Peperiksaan**)

PELUPUSAN SIJIL DAN PERNYATAAN BAGI PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) DAN SIJIL BAHASA INGGERIS 1119 YANG TIDAK DITUNTUT

Berikut adalah merupakan jadual penghantaran sijil dan pernyata bagi tujuan pelupusan:

Daerah	Tarikh / Hari	Masa	Tempat
Timur Laut Dan Barat Daya	24 Julai 2017 (Isnin)	2.00 petang hingga 5.00 petang	Stor Sektor Penilaian Dan Peperiksaan, Jalan Tanah Liat, 14000 Bukit Mertajam, **PULAU PINANG**
Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan	25 Julai 2017 (Selasa)		

6. Bagi tujuan penjimatan, penghantaran sijil, pernyata dan percetakan kawalan tersebut perlu dilakukan dengan menggunakan kenderaan yang bersesuaian bagi mengurangkan jumlah kenderaan yang akan digunakan oleh pihak sekolah. Sijil, pernyata dan percetakan kawalan juga mesti diikat dengan kemas atau dimasukkan ke dalam kotak serta diasingkan mengikut jenis sijil dan percetakan kawalan. Sijil, pernyata dan percetakan kawalan hanya boleh dihantar oleh Setiausaha Peperiksaan SPM dan perlu diiringi oleh Pengetua / Penolong Kanan Pentadbiran. Sila bawa bersama cap jawatan dan cap bulat sekolah semasa menghantar sijil dan pernyata untuk dilupuskan.

7. Setiausaha Peperiksaan SPM yang hadir membawa kenderaan bagi tujuan mengangkut sijil dan pernyata yang hendak dilupuskan layak membuat tuntutan perjalanan mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas sila hubungi **En. Mohd Fauzi Bin Md. Noor** di talian **04-263 1472 sambungan 112** atau **016-2197874**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RASHID BIN ABDUL SAMAD)
Ketua Sektor
Sektor Penilaian Dan Peperiksaan
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
No. Tel : 04-2631472
No. Faks : 04-2611726

s.k. Semua Pegawai Pendidikan Daerah
(u.p : Pegawai Peperiksaan Daerah)